

UNTUK SIARAN SEGERA

14 OGOS 2020

## **UEM Edgenta Rangkul 3 Anugerah Emas di MTEEx 2020 Malaysia Productivity Corporation**

**KUALA LUMPUR, 14 Ogos** - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) terus membuktikan kemampuannya dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan aset serta operasi untuk para pelanggannya melalui metodologi LEAN, teknologi dan tenaga kerja berkemahiran dengan merangkul tiga Anugerah Emas di Malaysia Productivity Corporation (“MPC”) *Mini Convention on Team Excellence 2020* baru-baru ini (“MTEEx 2020”).

Perkara ini telah dikongsikan oleh Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif (“MD/CEO”) UEM Edgenta, dalam satu majlis yang diadakan untuk meraikan kejayaan Syarikat, semalam. Sejajar dengan keyakinan UEM Edgenta untuk mendapatkan hasil yang berteraskan *Triple Bottom Line* (individu, planet dan keuntungan), tiga projek yang berjaya merangkul anugerah di MPC MTEEx 2020 baru-baru ini adalah merangkumi penyelesaian kreatif dan inovatif yang memberi impak positif kepada operasi Syarikat dalam menguruskan pelbagai jenis aset di bawah seliaannya, termasuk lebih 3,100 kilometer lebuh raya dan jalan raya serta lebih 600 hospital dan bangunan di seluruh rantau.

“Anugerah yang diterima adalah bukti kemahiran, kepintaran dan visi bakat-bakat tenaga kerja muda kami dari bahagian *Healthcare Support, Property & Facility Solutions* dan *Infrastructure Services*. Saya kagum dengan tahap pelaksanaan yang terperinci dalam merealisasikan hasil projek masing-masing dan kejayaan ini akan memberikan motivasi yang tinggi kepada para pekerja kami untuk terus menghasilkan penyelesaian dalam menyediakan keperluan operasi utama para pelanggan kami,” kata Syahrudin Samsudin.

MPC MTEEx adalah acara tahunan yang berfungsi sebagai platform untuk pakar-pakar, kumpulan pengamal dan mereka yang mempunyai minat mendalam terhadap bidang kualiti dari seluruh dunia, mempelajari menerusi pengalaman dan amalan baik organisasi dan pasukan-pasukan. *Team Excellence* telah menggunakan pelbagai alat dan teknik peningkatan kualiti dalam mempamerkan pelbagai projek yang berinovatif semasa pembentangan mereka yang dinilai secara efektif dan objektif oleh panel hakim yang berpengalaman.

-tamat-

### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants. Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Juliana Jamaluddin ([juliana\\_jamaluddin@edgenta.com](mailto:juliana_jamaluddin@edgenta.com)) / 012 340 9438 / 03 2725 7367 atau [communications@edgenta.com](mailto:communications@edgenta.com))